

SULIT

3756/2

3756/2

Prinsip

Perakaunan

Kertas 2

Sept

2011

2 jam 30 minit



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK 2011

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Tulis jawapan anda pada **Kertas Jawapan** yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
6. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Bahagian A
[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 a) Nyatakan akaun yang perlu didebit dan dikredit bagi setiap urus niaga di bawah:

Bil.	Urus niaga	Debit	Kredit
(i)	Belian alat tulis RM165 secara tunai.		
(ii)	Pulangan barang niaga kepada Pemiutang Izly RM320.		

[2 markah]

- b) Nyatakan jenis diskaun yang terlibat bagi setiap situasi di bawah:

Tarikh	Urus niaga	Jenis Diskaun
2011 Mac 10	Jualan barang niaga RM4 800 pada harga senarai kepada Koperasi Pertama Berhad, kurang 10% diskaun atas harga senarai.	
Mac 15	Terima cek RM3 672 daripada Koperasi Pertama Berhad sebagai menjelaskan hutangnya pada 10 Mac. Diskaun 15% dibenarkan bagi urus niaga ini.	

[2 markah]

- c) Buku-buku akaun Perniagaan Kinta Baru bagi tahun berakhir 31 Mac 2011 mengenai sewa adalah seperti di bawah:

	RM
Sewa bulanan	450
Sewa yang telah dibayar	5 000

Hitungkan:

- (i) Sewa yang dipindahkan ke Penyata Pendapatan
(ii) Sewa terakru di Kunci Kira-kira.

[2 markah]

- d) Puan Marlina menerima pendapatan berikut setiap bulan dalam tahun 2010:

	RM
Gaji pokok	3 100
Elaun-elaun (termasuk elaun lebih masa RM650)	1 800

Hitung caruman KWSP majikan Puan Marlina bagi bulan Mei jika kadar carumannya adalah 12% sebulan. [2 markah]

- e) Syarikat Sinaran Berhad yang didaftarkan dengan 3 000 000 unit saham biasa dengan harga RM1.00 sesaham, mempunyai modal diterbitkan dan berbayar sebanyak RM2 000 000. Bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan 15% dividen atas saham biasa.

Hitung jumlah dividen saham biasa. [2 markah]

SULIT**4****3756/2**

- 2 Azli, Bala dan Chan ialah pekongsi dalam Perkongsian Bersatu Maju yang beroperasi di Parit Buntar, Perak. Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Perkongsian Bersatu Maju pada 30 September 2010:

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 Oktober 2009:		
Azli		20 000
Bala		10 000
Chan		10 000
Akaun Semasa 1 Oktober 2009:		
Azli		500
Bala		300
Chan	150	
Ambilan:		
Bala : 31 Disember 2009	2 500	
Chan : 30 Mac 2010	2 000	
Gaji Azli	10 000	
Pinjaman daripada Azli (Pinjaman matang pada 30 September 2015)		10 000
Faedah atas pinjaman	600	
Untung kasar bagi tahun berakhir 30 September 2010		43 000
Stok alat tulis pada 1 Oktober 2009	130	
Belian alat tulis	300	
Penghutang	5 000	
Pemiutang		5 500
Bank		4 100
Tunai	1 120	
Sewa diterima		1 500
Kenderaan (Kos)	60 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		6 000
Kadar bayaran	2 000	
Insurans	7 008	
Gaji pekerja	5 000	
Stok barang niaga pada 30 September 2010	15 092	

SULIT

Ikatan perkongsian perniagaan ini menetapkan perkara berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagikan antara Azli, Bala dan Chan mengikut nisbah 2:1:1.
- (ii) Faedah atas modal 5% setahun.
- (iii) Faedah atas ambilan 4% setahun.
- (iv) Gaji pekongsi Azli RM700 sebulan.
- (v) Pinjaman daripada pekongsi dibayar faedah 8% setahun.

Maklumat tambahan :

- (i) Stok alat tulis pada 30 September 2010 bernilai RM90.
- (ii) Pada 1 Februari 2010 Chan membawa masuk perabot bernilai RM3 000 ke dalam perniagaan.
- (iii) Sewa diterima setahun ialah RM1 200.
- (iv) Polisi susut nilai:
 - Kenderaan : 10% kaedah baki berkurangan.
 - Perabot : 15% kaedah ansuran tetap.
- (v) Kadar bayaran terakru RM319.
- (vi) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh berakhir 31 Oktober 2010.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Penyata Untung Rugi dan Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2010. [14 markah]
- (b) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [4 markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 30 September 2010. (Tunjukkan modal kerja) [7 markah]

3. Encik As Sadiqin bercadang memulakan Pasar Mini As-Sadiq pada 1 Januari 2011. Beliau merancang untuk membawa aset berikut sebagai modal perniagaan:

	RM
Tunai	15 000
Kenderaan	50 000

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran Pasar Mini As-Sadiq bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2011 :

- (i) Anggaran belian stok pada bulan Januari ialah RM10 000. Belian dijangka meningkat sebanyak 10% pada setiap bulan dari bulan sebelumnya.
- (ii) Perniagaan akan menempahengkapan kedai berharga RM10 000 pada bulan Januari. Wang pendahuluan sebanyak 10% perlu dijelaskan semasa tempahan dibuat dan bakinya akan dibayar dalam tiga ansuran bulanan mulai Mac.
- (iii) Insurans kedai RM6 000 setahun. Premium insurans harus dibayar setiap suku tahun.
- (iv) Anggaran perbelanjaan tahunan lain adalah seperti di bawah :

	RM
Kadar bayaran	6 000
Sewa kedai	18 000
Belanja am	9 000

Belanja am dijangka akan berkurangan 10% pada bulan Mac.

- (v) Perniagaan bercadang untuk mengambil dua orang pekerja dalam bulan Februari dengan gaji bulanan RM700 seorang. Gaji pekerja akan dinaikkan sebanyak 10% pada bulan Mac.
- (vi) Anggaran jualan adalah seperti berikut:

	RM
Januari	20 000
Februari	25 500
Mac	30 500

Sebanyak 20% daripada jualan bulanan adalah jualan kredit. Tempoh kredit ialah selama sebulan.

- (vii) Pinjaman bank RM24 000 dijangka akan diterima pada bulan Februari. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh dua tahun bermula pada bulan Mac.
- (viii) Pinjaman dikenakan faedah 3% setahun dan mula dibayar pada bulan Mac.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2011. (Tunjukkan lebihan atau kekurangan tunai setiap bulan).

[25 markah]

Bahagian B
[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan.

4 Berikut ialah baki aset dan liabiliti Perniagaan Riang Ria pada 1 Januari 2011:

	RM
Alatan Pejabat	9 850
Stok	8 400
Penghutang	10 470
Tunai	230
Untung bersih	4 010
Pemiutang	7 090
Overdraf bank	2 700
Modal	15 150

Urus niaga berikut berlaku sehingga 31 Januari 2011:

- (i) Jualan 25% daripada stok kepada Raju dengan harga RM2 500.
- (ii) Menerima pinjaman jangka pendek sebanyak RM10 000. Wang pinjaman ini digunakan untuk perkara berikut:
 - 10% daripada pinjaman adalah untuk menjelaskan insurans kenderaan pemilik.
 - RM500 untuk membayar sewa kedai.
 - Bakinya dibankkan.
- (iii) Raju memulangkan 15% daripada nilai jualan barang kerana rosak.
- (iv) Membayar pemiutang dengan cek RM3 200 dan menerima diskaun RM190.
- (v) Menerima sekeping cek RM2 810 daripada penghutang bagi menjelaskan hutang yang berjumlah RM3 070.
- (vi) Pemilik membeli komputer baru RM2 800 menggunakan wang peribadinya untuk menggantikan komputer yang dilupuskan ini.

Anda dikehendaki:

- (a) melengkapkan jadual di bawah untuk menunjukkan kesan setiap urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

[13 markah]

	Alatan Pejabat RM	Stok RM	Penghutang RM	Tunai RM	Bank RM	Modal RM	Untung Bersih RM	Pemiutang RM	Pinjaman RM
Jan. 1	9 850	8 400	10 470	230	- 2 700	15 150	4 010	7 090	
(i)									
(ii)									
(iii)									
(iv)									
(v)									
(vi)									
Jumlah									

- (b) menyediakan Kunci Kira-kira pada 31 Januari 2011.

[7 markah]

- 5 Maklumat yang berikut diperolehi daripada perniagaan Kilang Batik Mercu bagi tahun berakhir 30 Jun 2011:

	RM
Stok pada 1 Julai 2010:	
Barang siap	10 450
Bahan langsung	3 310
Alat-alat kecil	1 420
Kerja dalam proses	4 590
Belian bahan langsung	57 609
Belian alat-alat kecil	865
Pulangan bahan langsung	1 419
Hak cipta	8 530
Jualan	186 600
Angkutan masuk	694
Angkutan keluar	741
Gaji buruh kilang	37 400
Gaji penyelia kilang	6 000
Gaji pekerja pejabat	12 500
Mesin (kos)	24 500
Susut nilai terkumpul mesin	8 820
Sewa bangunan	9 000
Kadar bayaran	3 800
Bahan tak langsung	3 354
Stok pada 30 Jun 2011:	
Barang siap	11 820
Bahan langsung	4 930
Alat-alat kecil	1 250
Kerja dalam proses	5 870

Maklumat tambahan:

- (i) Sekeping invois berjumlah RM2 350 yang diterima daripada pembekal bahan langsung belum dicatat dalam mana-mana buku.
- (ii) 10 % daripada gaji penyelia kilang merupakan gaji buruh kilang yang tersilap rekod.
- (iii) Susut nilai mesin adalah 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Sewa bangunan terakru RM500.
- (v) Kadar bayaran dibahagi antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3 : 1.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata kos pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [17 markah]
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2011. [3 markah]

SULIT

12

3756/2

- 6 (a) Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Gempur Wira:

	1 Januari 2010	31 Disember 2010
	RM	RM
Iklan terakru	185	-
Iklan terdahulu	-	125
Faedah diterima terakru	1 000	-
Faedah diterima terdahulu	-	900
Komisen diterima terdahulu	155	145

Buku Tunai (petikan)

Butir	Tunai	Bank	Butir	Tunai	Bank
	RM	RM		RM	RM
Faedah diterima		?	Iklan	1 810	
Komisen diterima	1 050	2 700			

Maklumat tambahan:

Faedah yang sepatutnya diterima pada akhir tempoh perakaunan berjumlah RM12 100.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (i) Akaun Iklan. [3 markah]
 - (ii) Akaun Faedah Diterima. [3 markah]
 - (iii) Akaun Komisen Diterima. [4 markah]
 - (iv) petikan Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010. [3 markah]
- 6 (b) Perniagaan Galary Indah menyewa sebuah kedai pada 1 Mei 2009 untuk menjalankan perniagaannya. Sewa akan dibayar terdahulu pada awal setiap tiga bulan.

Sewa tahunan ialah RM3 360 tetapi mulai daripada 1 Januari 2010, sewa dinaikkan kepada RM3 720 setahun. Sewa dibayar dengan cek pada tarikh yang ditetapkan.

Tahun perakaunan Perniagaan Galary Indah berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan akaun sewa bagi dua tahun berakhir 31 Disember 2009 dan 31 Disember 2010 dengan mengimbangkan akaun itu pada akhir setiap tahun perakaunan.

[6 markah]

Nyatakan **satu** konsep perakaunan yang dipatuhi dalam pengiraan pelarasan di 6 (a) dan (b).

[1 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT